

**Kabinet baru minggu depan
Utusan Online
September 23, 2011
Oleh SOPI SAMAILE**

KUCHING 22 Sept. - Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud dijangka mengumumkan rombakan Kabinet negeri yang baharu pada minggu depan.

Beliau berkata, tiada sebarang kejutan dalam barisan Kabinet itu dan ia tidak mempunyai banyak perbezaan dengan barisan yang ada.

Bagaimanapun, beliau mahu barisan Kabinet yang baru kelak melaksanakan tugas masing-masing menggunakan pendekatan yang baharu supaya ia dapat memberi kesan kepada negeri itu dalam tempoh jangka panjang.

"Saya akan mengumumkan barisan baru Kabinet negeri minggu hadapan iaitu selepas Ahad ini dan media akan mengetahuinya," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Kabinet negeri di Wisma Bapa Malaysia di sini, hari ini.

Ditanya mengenai satu lagi kekosongan jawatan Timbalan Ketua Menteri, Abdul Taib memberitahu, beliau tidak tahu berapa jumlah timbalannya nanti dan enggan mengulas lanjut mengenai isu tersebut.

Pada masa ini, jawatan Timbalan Ketua Menteri dibiarkan kosong selepas penyandangannya, Tan Sri Dr. George Chan Hong Nam tewas pada pilihan raya negeri yang lalu.

Dalam pada itu, menjawab berhubung pergolakan yang berlaku dalam Parti Progresif Demokratik Sarawak (SPDP), Abdul Taib memberitahu, beliau optimis permasalahan dalam parti berkenaan akan dapat diselesaikan sebelum Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).

"Pergolakan yang berlaku dalam kalangan ahli parti pada masa ini adalah disebabkan percanggahan kecil antara individu, namun sebenarnya semua ahli masih menyatakan sokongan kuat kepada Presiden SPDP (Tan Sri William Mawan Ikom)," katanya.

Sebelum ini, satu kumpulan yang dikenali sebagai 'SPDP Lima' telah dirujuk kepada Jawatankuasa Disiplin parti selepas gagal menghadirkan diri pada Mesyuarat Majlis Tertinggi Parti dua tahun lalu.

Kumpulan 'SPDP Lima' itu ialah Naib Presiden Kanan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tasik Biru, Datuk Peter Nansian Ngusie; Naib Presiden dan ADUN Marudi, Sylvester Entrie Muran; Naib Presiden dan Ahli Parlimen Mas Gading, Datuk Dr. Tiki Lafe dan dua Ahli Majlis Tertinggi iaitu ADUN Bekenu, Rosey Yunus serta ADUN Batu Danau, Paulus Palu Gumbang.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0923&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_12.htm